

12/09/2000

Malaysia ulangi tidak bayar tebusan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendirian kerajaan yang tidak akan membayar sebarang wang tebusan bagi membebaskan mana-mana rakyat Malaysia yang diculik.

"Kita tidak bayar wang tebusan tetapi jika orang lain yang membayar, saya tidak tahu. Kerajaan tidak membayarnya," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini petang ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kemungkinan pembayaran wang tebusan akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menjadi tebusan, termasuk kes terbaru di Pandanan, Sabah.

Dalam kejadian terbaru itu, tiga rakyat Malaysia diculik sekumpulan lapan lelaki bersenjatakan raifal M16 di Pandanan Semporna Island Resort (Pasir) di Pulau Pandanan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Malaysia tentu berasa senang hati jika rakyatnya yang diculik, dibebaskan.

Terdahulu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ditemui pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Dialog Perkongsian Bijak Kebangsaan Keempat di sini hari ini, berkata setakat ini kumpulan itu belum membuat sebarang tuntutan berhubung kes penculikan terbaru itu.

"Mungkin dengan menculik mereka ada apa-apa habuan, itu kita tak tahu," kata Timbalan Perdana Menteri sambil menambah polis masih menyiasat motif penculikan itu.

Ditanya sama ada kejadian itu menunjukkan langkah keselamatan negara tidak berkesan, Abdullah berkata: "Pulau Pandanan adalah kecil dan tidak semua pulau boleh dijaga."

Sehubungan itu, beliau mengarahkan polis mengambil langkah bagi menjaga keselamatan di semua pusat peranginan di perairan negara terutama di Sabah.

Abdullah juga mengarahkan polis memperketatkan keselamatan di pulau yang mempunyai pusat peranginan dan berpenduduk ramai.

"Saya dah kata kepada polis, sekarang ini apa yang perlu dilakukan ialah pastikan beberapa pulau yang ada resort dan ramai penduduk, pastikan mereka dapat wujudkan satu pasukan keselamatan," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya pusat peranginan di pulau terbabit mendapatkan khidmat firma keselamatan.

"Macam banyak bangunan di Kuala Lumpur, mereka ada pengawal keselamatan sendiri. Ini sebagai satu pencegahan daripada penculik itu," katanya.

(END)